

0086

B B384 AAB
PARLIMEN - MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 4 DIS (BERNAMA) -- DATUK SERI D R MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA TINDAKAN INDIVIDU, KUMPUKAN TERTENTU DAN PARTI POLITIK MEMBURUK-BURUKKAN KEADAAN POLITIK DAN EKONOMI NEGARA BAGI KEPENTINGAN POLITIK MEREKA MEMAKSA KERAJAAN MEMPERKETATKAN UNDANG-UNDANG.

PERDANA MENTERI BERKATA GOLONGAN ITU, YANG BELIAU SIFATKAN SEBAGAI +BELUM MATANG BERPOLITIK+, TIDAK MENGHARGAI SIKAP LIBERAL KERAJAAN DAN TIDAK TAHU MENGAWAL DIRI TANPA UNDANG-UNDANG YANG KETAT.

+YANG PENTING BAGI MEREKA IALAH PARTI DAN POLITIK PARTI MEREKA. JIKA NEGARA MENDAPAT GAMBARAN SEBAGAI NEGARA YANG TIDAK TENANG DAN TIDAK MENARIK KEPADA PELABUR, INI SANGAT DISUKAI OLEH MEREKA, + KATANYA KETIKA MEMBENTANGKAN RANG UNDANG-UNDANG POLIS (PINDAAN).

RANG UNDANG-UNDANG BAGI MEMINDA AKTA POLIS 1967 ITU ANTARA LAIN ~~SE~~ SERI UJUAN MEMPERKEMASKAN PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG ITU SUPAYA POLIS DAPAT MENGAWASI PERHIMPUNAN, PERJUMPAAN DAN PERARAKAN DENGAN BERKESAN.

DATUK SERI D R MAHATHIR BERKATA BAGI GOLONGAN ITU, BIARLAH RAKYAT MENDERITA KERANA TIADA PELUANG PEKERJAAN ASALKAN MEREKA BOLEH MENDAKWAHAWA NEGARA INI TIDAK DEMOKRATIK, TIDAK STABIL DAN TIDAK DAPAT MENARIK PELABUR ASING. -- LAGI
1928 MST 04 12 87

0087

B B385 AAB
PARLIMEN - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA MEREKA BERHARAP DENGAN CARA INI, DAPATLAH MEREKA MEMBURUK-BURUKKAN XMEJ KERAJAAN BAGI KEPENTINGAN POLITIK PARTI MEREKA.

+MEREKA LAH YANG SERING MENCERITA KEPADA ORANG ASING KONONNYA KEADAAN DI MALAYSIA BURUK. MEREKA BERBOHONG MENGENAI KEADAAN DI NEGARA INI UNTUK MENDAPAT SIMPATI KEPADA PERJUANGAN PARTI MEREKA, + KATA BELIAU.

DATUK SERI D R MAHATHIR BERKATA BAGI GOLONGAN ITU, SAMA ADA PERBUATAN TERSEBUT MENJEJASKAN PEMBANGUNAN NEGARA DAN RAKYAT, TIDAK MENJADI MASALAH KEPADA MEREKA.

KATANYA, GOLONGAN ITU SENTIASA MENCARI KELEMAHAN DALAM UNDANG-UNDANG UNTUK MELAKUKAN SESUATU YANG TIDAK BAIK DAN KERAJAAN TIDAK DAPAT MENGAMBIL TINDAKAN UNDANG-UNDANG TERHADAP MEREKA.

+MEREKA TAHU JIKA MEREKA DAPAT MEMAKSA KERAJAAN BERTINDAK KERAS KE ATAS MEREKA, TINDAKAN ITU BOLEH DIJADIKAN ISU POLITIK. OLEH ITU MEREKA SENGAJA MEMPERMAINKAN UNDANG-UNDANG UNTUK MEMAKSA KERAJAAN MENGADAKAN UNDANG-UNDANG YANG LEBIH KERAS, + KATA BELIAU. -- LAGI
1930 MST 04 12 87

D088

B B387 AAB
PARLIMEN - MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

GOLONGAN INI KEMUDIAN MENGECEM DAN MENYOAL KERAJAAN KERANA MEMBUAT UNDANG-UNDANG YANG BEGITU KERAS SERTA MENUDUH KERAJAAN TIDAK DEMOKRATIK DAN TIDAK LIBERAL SEDANGKAN MEREKA LAH YANG SENGAJA +MENJOLOK+ KERAJAAN, KATA DATUK SERI OR MAHATHIR.

+KERAJAAN MENGHADAPI DILEMA DALAM PERKARA INI. JIKA UNDANG-UNDANG TIDAK DIPERKETATKAN, MEREKA AKAN MEMBUAT BERNACAM-MACAM UNTUK MENCETUSKAN KETEGANGAN DALAM NEGARA, + TAMBAH BELIAU.

BAGAIMANAPUN, PERDANA MENTERI MENEGASKAN KERAJAAN TIDAK AKAN MENGABAIKAN TANGGUNGJAWABNYA DAN AKAN TERUS MELAKSANAKANNYA WALAU APAPUN TOHMAHAN DAN FITNAH DILEMPARKAN TERHADAPNYA.

+KEPADA INDIVIDU-INDIVIDU YANG TIDAK MENGHARGAI SIKAP LIBERAL KERAJAAN, KITA TIDAK PERLU LIBERAL, + TEGASNYA.

+BERSIKAP LIBERAL KEPADA INDIVIDU-INDIVIDU INI SAMALAH SEPERTI

D089

e B388 AAB
PARLIMEN - MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBIDAS DAP KERANA SERING MENUDUH KERAJAAN TIDAK DEMOKRATIK DAN +LOCENG MAUT+ BAGI DEMOKRASI TELAH BERBUNYI SETIAP KALI KERAJAAN MENGGUBAL UNDANG-UNDANG.

PERDANA MENTERI BERKATA +SEBENARNYA PELABUR ASING TIDAK MENGAMBIL-KIRA SAMA ADA WUJUD ATAU TIDAK DEMOKRASI DI NEGARA-NEGARA YANG MEREKA INGIN MELABUR.+

KATANYA, PERKARA UTAMA BAGI MEREKA IALAH KESTABILAN POLITIK DAN KERAJAAN YANG KUAT. PELABURAN ASING YANG TERBESAR DI RANTAU TIMUR IALAH DI NEGARA-NEGARA YANG KURANG DEMOKRATIK TETAPI MEMPU NYAI KERAJAAN YANG KUAT YANG DAPAT MENJAMIN KESTABILAN POLITIK.

+TINDA SIAPA YANG MAHU MELABUR DI NEGARA YANG BEGITU DEMOKRATIK SEHINGGAKANTUNJUK PERASAAN BERLAKU SETIAP HARI DAN KERAJAAN TUMBANG DUA BULAN SEKALI, + KATA BELIAU.

TUJUAN PELABUR, TAMBAH BELIAU IALAH UNTUK MENDAPAT KEUNTUNGAN DAN BUKAN MENEGAKKAN DEMOKRASI DI NEGARA-NEGARA YANG MEREKA MELABUR SEBALIKNYA KEADAAN KACAU-BILAU AKIBAT PENYALAHGUNAAN HAK DEMOKRASI TIDAK AKAN MENARIK MEREKA.

-- LAGI

1934MST 04 12 87

D090

B B389 AAB
PARLIMEN - MAHATHIR 5 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA KERANA KERAJAAN RERTANGGUNGJAWAB KEPADA PEMBANGUNAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYATLAH, MAKA BAGI MENENTUKAN KESTABILAN, SEDIKIT SEBANYAK KEBEBASAN YANG BOLEH DISALAHGUNA OLEH SEBILANGAN KECIL DARIPADA AHLI-AHLI POLITIK YANG KECEWA TERPAKSA DIBENDUNG.

BELIAU BERHARAP DENGAN PINDAAN KEPADA AKTA POLIS, PERHIMPUNAN, PERJUMPAAN DAN PERARAKAN PADA MASA DEPAN AKAN MENGIKUT BATASAN-BATASAN YANG WAJAR DEMI MEMELIHARA KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN AWAM.

KATANYA, DALAM MASYARAKAT MAJMUK, PERHIMPUNAN, PERJUMPAAN DAN PERARAKAN BOLEH MENIMBULKAN ANCAMAN KEPADA KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN AWAM JIKA IA BERMaksud MENCABAR. DAN MENGANCAM PIHAK-PIHAK TERTENTU. -- BERNAMA

1935MST 04 12 07